



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

## Keratan Akhbar

### Berita Online

i

# BERITA

24 JAM

# KPDN

## KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

### Untuk makluman:

- |                       |                     |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri          | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP)   |
| ● YBhg. KSU           | ● Setiausaha Akhbar |

**Tarikh: 16 JANUARI 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **KPDN**

# Isu salah guna logo halal usah sampai rugut kepercayaan umat Islam

**Kes** penyalahgunaan logo dan sijil halal dilaporkan pada tahun lalu sahaja sudah mencecah rampasan bernilai RM1.8 juta, malah bulan pertama 2025 belumpun berakhir, kita sudah dikehujung dengan insiden penjualan sandwic ‘ham and cheese’ menggunakan logo halal palsu.

Hakikatnya, ia bukan sahaja mencemarkan keyakinan pengguna Islam, bahkan boleh menjasaskan reputasi Malaysia sebagai peneraju global dalam industri halal. Harus diingat industri itu disasarkan menyumbang 8.1 peratus bersamaan RM137.6 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) pada tahun ini dan diunjurkan meningkat kepada 10.8 peratus bersamaan RM260 bilion (2030).

Justeru, demi kemaslahatan umat Islam dan ekonomi negara, kita tidak boleh berkompromi dengan mana-mana pihak yang menyalahgunakan logo dan sijil halal demi kepentingan sendiri. Ia juga menunjukkan hukuman dengan denda maksimum RM200,000 atau RM500,000 bagi kesalahan berulang di bawah Akta Perihal Dagangan 2011, nampaknya tidak menggerunkan.

Dalam hal ini, kita menyambut baik gesaan pelbagai pihak, termasuk Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan dan Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA) supaya denda dinaikkan kerana hukuman sedia ada memberikan isyarat bahawa jenayah berkenaan tidak dipandang serius, sebaliknya mereka sanggup memanipulasi ekosistem pensijilan halal Malaysia.

Bagaimanapun, kita berpandangan hukuman berat semata-mata tidak mencukupi, sebaliknya ia perlu dilengkapkan dengan peningkatan penguatkuasaan dan mekanisme pemantauan dengan usaha kolektif semua pihak berkuasa seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) serta jabatan agama Islam negeri.

Kita juga meminta syarikat bertindak lebih proaktif dengan menyemak dan mengetatkan mekanisme berkaitan perolehan dan pembekalan. Ini sudah tentu tidak cukup dengan memberikan peringatan kepada kakitangan terbabit, sebaliknya latihan perlu diberikan dari semasa ke semasa. Pengendalian stok dan pemilihan pembekal mesti berlandaskan integriti serta keprihatinan terhadap sensitiviti pelanggan.

Pada masa sama, kita juga menyarankan JAKIM supaya memperluas kempen kesedaran dan pendidikan mengenai konsep ‘halal dan toyyiban (baik)’ kerana ia bukan semata-mata dari segi syariat Islam, bahkan aspek kebersihan dan kesihatan. Dalam hal ini, aplikasi menyemak status halal perlu sentiasa dikemas kini dan diper mudah, sekali gus dipromosi kepada pengguna.

Kita mengesyorkan JAKIM meningkatkan kerjasama dengan pihak industri melalui sesi libat urus berkala untuk memahami cabaran sebenar di lapangan, termasuk memastikan prosedur operasi standard (SOP) lebih jelas dan praktikal bagi proses pemeriksaan serta pensijilan perlu diwujudkan.

Hakikatnya dengan martabat Islam sebagai agama rasmi Persekutuan dan dianuti majoriti rakyat serta kedudukan Malaysia sebagai peneraju industri halal dunia diunjurkan mencecah AS\$5 trilion (RM22.5 trilion), isu penyalahgunaan logo serta sijil halal boleh merosakkan kepercayaan dibina selama ini, sekali gus boleh menjasakan usaha negara meningkatkan prospek dalam ekonomi.

# Syarikat bekal sandwic perjelas bahan mentah ada sijil halal JAKIM

**Kuala Lumpur:** Syarikat pembekal sandwic kontroversi mendedahkan bahan mentah digunakan dalam pembuatan makanan itu memiliki pensijilan halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

Shake and Bake Cafe Sdn Bhd dalam kenyataan semalam berkata, penghasilan sandwic itu menggunakan roti, keju dan kepingan daging ayam yang diperakui halal oleh JAKIM.

Syarikat itu juga mengesahkan pegawai Kementerian Per-

dagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta JAKIM sudah melakukan siasatan ke atas premis mereka, Jumaat lalu.

“Syarikat mengesahkan kepingan daging ayam digunakan dalam sandwic terbabit memiliki sijil halal yang sah daripada JAKIM.

“Kami berjanji akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada KPDN dan JAKIM untuk membantu siasatan kes ini,” katanya.

# 'Muslim Kitchen' kelirukan umat Islam

**MASIH** terdapat restoran yang menggunakan simbol atau istilah halal yang mengelirukan bagi menarik pelanggan terutama umat Islam.

Baru-baru ini, penulis bersama rakan media lain menyertai serbuan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak bersama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di sebuah restoran di Seri Kembangan yang mempamerkan pelekat 'Muslim Kitchen' di pintu dan dinding premis.

Pemilik mendakwa tindakan menampal pelekat itu selepas diminta pelanggan dan rakan yang sering menikmati hidangannya biarpun belum mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Lagi meresahkan, pihak berkuasa menemukan dua jenis menu berlainan yang mana salah satunya mempunyai hidangan khinzir, namun pemilik premis menegaskan ia hanya salah faham.

Pendakwah bebas, Pencetus Ummah (PU) Syed berkata, secara asasnya dibolehkan bagi seorang Muslim untuk memakan makanan yang dimasak atau disediakan oleh non-muslim (bukan ahli kitab) seperti Hindu, Sikh, Budha dan selainnya selagi mana makanan itu adalah halal dan bukannya



## Analisis Semasa

Bersama  
**TUAN  
NURHIDAYAH  
TUAN AB GHANI**

daripada hasil sembelihan mereka. (tafsir al-Imam al-Qurtubi Rahimahullah).

Walaupun begitu, ini tidaklah menafikan keafidhalan bersikap warak dalam mengambil suatu makanan dan lebih afdhal makanan itu diperolehi daripada orang yang bertaqwa dan disediakan juga dengan taqwa.

"Dalam sebuah hadis diriwayatkan Abu Daud (4832), Rasulullah SAW pernah bersabda memberi peringatan kepada umatnya dengan sabdanya, janganlah kamu berkawan melainkan orang yang beriman dan jangan biarkan makananmu dimakan melainkan orang bertaqwa.

"Dalam uruk dan adat kita di Malaysia juga begitu kebiasaan kita akan mencari kedai, warung atau restoran milik umat Islam kerana atas 'warak' itu sendiri kerana makanan itu akan menjadi darah daging kita. Ia juga bertujuan untuk mengelak bercampur dengan unsur atau bahan yang ditegah oleh syarak buat umat Islam."

katanya ketika dihubungi *Kosmo!*.

Katanya, sebagai orang Islam, hendaklah memilih yang halal serta premis makan yang bersih bagi mengelakkan perkara syubhabah.

"Jika restoran atau warung milik orang Islam tetapi kotor, wajar juga untuk dijauhi kerana ia mendekat kepada hukum syubhabah dalam penyediaan makanan berbanding restoran yang menjaga kualiti dan kebersihan.

"Ketegasan pihak berkuasa dalam membendung pihak-pihak yang cuba menyalahgunakan istilah tertentu dalam menarik pelanggan Islam mesti dipuji kerana zaman sekarang terlalu ramai scam termasuk restoran," ujarnya.

Katanya, orang Islam perlu sedar kefahaman terhadap tuntutan agama yang memerlukan kita memilih makanan yang halal dan baik.

"Nabi pernah sebut, halal itu jelas dan haram itu jelas, serta diantaranya ada yang syubhabah, dan Baginda jelaskan bahawa perkara syubhabah itu boleh membawa kepada haram.

"Kesedaran itu sangat penting agar kita jangan pantang jumpa atau pantang viral terus sahaja serbu (restoran atau premis makanan)," katanya.

## Jakim, KPDN disaran naikkan denda salah guna sijil halal

**CYBERJAYA** – Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kosara Hidup (KPDN) disaran mengkaji keperluan menaikkan nilai denda bagi premis yang menyalahgunakan sijil halal.

Timbalan Mufti Wilayah, Jamali Mohd. Adnan berkata, kajian itu penting bagi membolehkan tiada lagi pihak yang cuba memperdayakan masyarakat dengan

cara memalsukan sijil halal.

"Kami mendapati isu salah guna tanda halal turut dikesan membabitkan produk sandwic dikeluarkan sebuah syarikat baru-baru ini," katanya pada Majlis Penerimaan Sijil Halal Ayam Gepuk Pak Gembus di sini semalam.

Menurut Jamali, tindakan pantas Jakim dan KPDN berhubung isu itu memberi khabar gembira kepada masyarakat bahawa kerajaan sentiasa bertindak proaktif

dalam menangani isu berkaitan pematuhan halal.

Sehubungan itu, beliau mahu pihak berwajib sentiasa turun padang melakukan pemeriksaan mengejut di premis yang mempunyai sijil halal bagi memastikan mereka mematuhi pensijilan.

"Ada orang (premis), bila dia dapat sijil halal mereka akan mengambil mudah dan diam sahaja. Justeru, pemantauan itu amat penting," katanya.

Jamali berkata, kerajaan melalui Jakim telah mempermudahkan permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) di mana tempoh permohonannya dipendekkan kepada 15 hari berbanding sembilan bulan sebelum ini.

Berdasarkan Akta Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, penalti bagi pertubuhan perbadanan yang disabitkan kesalahan menyalah

guna logo halal akan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM200,000 dan tidak lebih RM500,000 bagi kesalahan berikutnya.

Bagi bukan pertubuhan perbadanan pula, penalti tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya dan kesalahan berikut tidak melebihi RM250,000, penjara tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

## KPDN sita, kompaun lebih RM40,000 operasi harga musim perayaan

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Saraw Hidup (KPDN) merekodkan 240 tindakan kes dengan sitaan dan kompaun lebih RM40,000 menerusi Skim Harga Maksumum Musim Perayaan (SHMMP) sepanjang tahun lalu.

Ketua Pengarah Bahagian Penguatan Kuasa KPDN, Datuk Azman Adam berkata, bagi tempoh itu, pihaknya telah melaksanakan enam kali pelaksanaan skim iaitu bagi perayaan Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baharu Cina, Deepavali, Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Krismas.

Menurutnya, SHMMP ini dilaksanakan bagi menstabilkan harga barang keperluan utama

pengguna ketika menyambut perayaan-perayaan utama.

"Sepanjang pelaksanaan skim ini pada tahun lepas, sebanyak 22,294 pemeriksaan telah dijalankan ke atas premis perniagaan di seluruh negara merangkumi 383 pemeriksaan ke atas premis pengeluar dan borong serta 21,911 premis rungit.

"Hasil pemeriksaan sebanyak 240 tindakan kes telah diambil terhadap peniaga yang didapati melanggar perundangan berkaitan skim melibatkan sitaan bernilai RM15,840.75 serta kompaun bernilai RM26,100," katanya kepada *Sinar Harian* pada Rabu.

Beliau berkata, sepanjang

pelaksanaan operasi itu, KPDN mendapat kerjasama yang baik dari peniaga dan pihak industri di seluruh negara.

Katanya, KPDN juga telah menerima kerjasama yang baik menerusi dari rakan strategik seperti Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan serta agensi-agensi kerajaan yang lain dalam memastikan bekalan barang yang dikawal adalah mencukupi sepanjang tempoh pelaksanaan skim terbabit.

"KPDN akan meneruskan pelaksanaan SHMMP pada tahun ini bagi menjamin pengguna akan dapat menikmati sambutan perayaan tanpa sebarang insiden kenaikan harga yang tidak munasabah," ujarnya.



KPDN melaksanakan Skim Harga Maksumum Musim Perayaan sepanjang tahun lalu di seluruh negara.

## Pembekal dakwa guna daging ayam ada sijil halal

**SHAH ALAM** - Syarikat pengeluar produk sandwich ham & cheese, Shake And Bake Café Sdn Bhd (Shake & Bake Café) pada Rabu tampil mendakwa kepingan daging ayam yang digunakan dalam pembuatan sandwic mereka mempunyai sijil halal sah dari pada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Shake & Bake Café dalam kenyataan berkata, antara bahan lain yang digunakan untuk menghasilkan sandwic tersebut ialah roti dan keju.

"Kepingan daging ayam yang digunakan dalam sandwic tersebut mempunyai sijil halal.

"Pada 10 Januari, pegawai daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bersama Jakim datang ke kilang dan kini kes dalam siasatan pihak berkenaan.

"Kami berjanji akan memberikan kerjasama se-penuhnya kepada KPDN dan Jakim," katanya.

Pada Isnin, Jakim mengesahkan label halal pada sandwic ham yang dijual di kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) tidak mempunyai Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM).

Jakim berkata, pihaknya melaksanakan periksaan di lapangan bersama KPDN pada Jumaat lalu dan mendapati syarikat yang menghasilkan produk terbabit juga bukan pemegang sijil halal.



Gambar bungkusan kepingan daging ayam yang digunakan dalam pembuatan sandwic.

## 供應商出示清真證書

# 三文治雞肉片芝士皆有認證



■根据Shake And Bake Café私人有限公司提供的资料，该公司供应的三明治中的鸡肉片拥有清真认证。（图由Shake And Bake Café公司提供）

(吉隆坡15日讯) KK Mart出售的“火腿芝士三文治”的供应商Shake and Bake Café私人有限公司打破缄默说，该公司供应的三明治是由面包、芝士和鸡肉片制成，而在三明治中所使用的鸡肉片也拥有大马伊斯兰发展局(JAKIM)承认的清真认证。

不过，该公司并没有解释为何在未获得清真认证的情况下，就在三文治包装印上伊斯兰发展局的清真标志。

该公司发文告说，国内贸易及生活费部(KPDN)和JAKIM官员曾于1月10日中午12时到工厂检查，目前，内贸部和JAKIM仍在调查此案。

## 芝士獲奧地利清真認證 貿生部指認證不得交易與轉讓

“火腿芝士三文治”的供应商Shake and Bake Café私人有限公司提供2份清真认证证书，以证明它所提供的“火腿芝士三文治”已获清真认证。

1. 第一份证书是伊发局给予三文治的清真认证证书，虽然有效期限至2025年4月15日，但却是发给Lucky Food Processing私人有限公司，而不是发给Shake and Bake Café。

2. 第二份证书则是三文治所使用的芝士的奥地利清真认证，有效期介于2024年6月2日至2025年6月1日，而大马伊斯兰发展局向来都认可奥地利的清真认证。

在这之前，贸生部指三文治的清真认证是发给另一家公司，而这家公司后来被Shake and Bake Café收购。

贸生部周二通过网络发文强调，清真认证及标志不得以任何形式进行交易、借出、转让、伪造、滥用或更改。

“我们承诺，将会给予内贸部和JAKIM充分合作。”

本月13日，伊发局证实该公司提供KK Mart的“火腿芝士三文治”未获得清真认证，但该公司却在产品标签上印制马来西亚清真标志，这已违反《2011年商品说明法令》(第730号法令)中的2011年商品说明(清真认证及标志)指令。

本月12日，巫青团长阿克玛深夜11点35分通过网络上传贴文和视频，指控KK Mart马大分店销售包装上印有清真认证标志的火腿芝士三文治。

随后，KK Mart将此事归咎供应商Shake and Bake Café，并称对方仅向其提交过鸡肉火腿和芝士的清真认证，而三文治包装也是供应商所为。

KK Mart也强调，已冻结与供应商的业务往来，并且已报警，以及向对方发律师函。

馬大校方勿舍本逐末

林靖杰  
马大新生主席  
兼学生会署理主席

馬大新青年谴责马大无限期  
关闭KK Mart引学生不便!

■林靖杰促校方勿小题大作，勒令KK便利店关闭，只会造成学生的不便。

2024 பெருநாள் கால விலைக் கட்டுப்பாட்டுத் தீட்டம்:

## வ.40,000க்கும் மேல் அபராதம் விதிக்கப்பட்டது!

### நமது நினைவு

புத்ராசிஜியா, ஜன.16-  
கடந்தாண்டு முழுவதும் மேற்கொள்ளப்பட்ட  
பெருநாள் காலத்திற்கான கட்டுப்பாட்டு  
விலைக் கட்டுப்பாட்டுத் தீட்டத்தின் கீழ் 240  
நடவடிக்கைகளுடன் வ.40,000க்கும் மேற்பட்ட  
அபராதத்துடன் பரிமுதலை உர்நாட்டு வாணிப  
வாழ்க்கைச் செலவினாங்களுக்கான அமைச்சு  
மேற்கொண்டது.

நோன்டுப் பெருநாள், சீனப் புத்தாண்டு,  
தீபாவளி, காமாத்தான் திருவிழா, காவாய் தீனம்,  
கிரிஸ்துமல்ல ஆகிய 6 பெருநாள் காலங்களில்  
விலைக் கட்டுப்பாட்டுத் தீட்டத்தை அமைச்சு  
அமல்படுத்தியதாக அதன் அமலாக்கப் பிரிவுத்  
தலைமை இயக்குநர் தத்தோ அஸ்மான் அடாம்  
தெரிவித்தார்.

முதன்மைப் பெருநாட்களைக் கொண்டாடும்

போது பயணிடாளர்களின் அகுத்தியாவசியப்  
பொருட்களின் விலையை நிலைப்படுத்துவதற்காக  
இந்த விலைக் கட்டுப்பாட்டுத் தீட்டம்  
அமல்படுத்தப்பட்டிருது.

இந்த விலைக் கட்டுப்பாட்டுத் தீட்டம்  
கடந்தாண்டு முழுவதும் அமல்படுத்தப்பட்ட  
போது நாடு முழுவதும் உள்ள வர்த்தகத்  
தலங்களில் 22,294 சோதனை நடவடிக்கைகள்,  
உற்பத்தியாளர், மொத்த வணிகர் தலங்களில்  
383 சேந்தனை நடவடிக்கைகள், 21,911 சில்லரை  
வணிகத் தலங்களில் மேற்கொள்ளப்பட்டன.

இதில் மேற்கொள்ளப்பட்ட 240 சோதனை  
நடவடிக்கைகளில் இச்சட்டத்தை மீறிய  
வணிகர்களிடம் வ.15,840.75 மதிப்புள்ள  
பொருள்கள் பரிமுதல் செய்யப்பட்ட வேணுயில்,  
வ.26,100 அபராதம் விதிக்கப்பட்டது என்று  
செய்தியாளர்களிடம் பேசிய போது தத்தோ  
அஸ்மான் அடாம் குறிப்பிட்டார்.





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Cadangan penjualan beras campur dapat reaksi positif

## Seragamkan harga elak manipulasi

Oleh MOHD. HAFIZ  
ABD. MUTALIB  
hafiz.mutalib@mediamulia.com.my

**KANGAR:** Penjualan beras campuran merupakan antara kaedah cukup baik dalam menyelesaikan masalah ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran yang sudah berlarutan lebih dua tahun.

Bagaimanapun, usaha berkenaan perlu disertakan dengan penyeragaman harga beras antara RM32 sehingga RM36 bagi berat 10 kilogram agar isu manipulasi oleh kilang-kilang besar turut dapat diatasi.

Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, apabila harga diseragamkan, mana-mana kilang atau pemborong yang mencampur beras tempatan dan import sudah tidak boleh lagi mengaut lebih keuntungan dengan manipulasi berkenaan.

Katanya yang juga pengusaha pusat belian padi, jika dilihat tidak ada perbezaan ketara antara beras tempatan dan import ini dan sukar sebenarnya untuk membezakan kedua-dua jenis beras berkenaan.

Ujarnya, tidak menjadi masalah jika penjualan beras campuran di pasaran, namun apa yang lebih penting tetapkan hanya pada satu gred beras sahaja serta seragamkan harga.

“Jadi, kerajaan perlu segera jika hendak melaksanakan cadangan membekalkan penjualan beras campuran tersebut. Jika tidak itu ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran dan manipulasi oleh kilang-kilang besar ini akan terus berlarutan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, semalam.

Kelmanar *Utusan Malaysia* melaporkan, Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) sedang membuat kajian terperinci untuk membekalkan penjualan beras campuran di pasaran tempatan.

Sehingga hari ini tiada larangan yang jelas tentang pencampuran beras di dalam Akta Kawalan Padi dan Beras (Akta 522).

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, cadangan tersebut turut disokong oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) sebagai kaedah pe-

nyelesaian kepada masalah bekalan beras yang berlaku ketika ini.

Sebelum itu, akbar ini juga melaporkan, beras putih tempatan yang dijual pada harga rendah RM26 bagi 10 sekilogram (kg) mendorong pengilang-pengilang besar mencampurkannya dengan beras import dan dijual pada harga lebih tinggi.

Tambah Mohd. Shazwan, kerajaan juga perlu segera menyemak harga beras memandangkan harga RM26 bagi berat 10kg sudah tidak lagi relevan.

“Bagi keluarga yang mempunyai bilangan ahli keluarga antara empat atau lima orang, sekampit beras 10kg itu sudah cukup untuk kegunaan sebulan atau mungkin lebih sedikit.”

“Sudah 16 tahun harga beras ini tidak disemak dan nak tunggu sampai bila lagi barunaikkan harga beras.

“Jika harga beras naik, saya percaya ia akan memberi situasi menang-menang kepada semua pihak sama ada pengilang, pemborong dan pesawahan sendiri,” katanya.



**PENJUALAN** beras campuran merupakan antara kaedah cukup baik dalam menyelesaikan masalah ketiadaan bekalan beras tempatan di pasaran yang sudah berlarutan lebih dua tahun. - UTUSAN/IZLIZAN OTHMAN

# Beras campur sudah berlaku, perlu naik harga beras tempatan

**ALOR SETAR:** Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) perlu menyelaras terlebih dahulu harga beras putih tempatan (BPT) sebelum membenarkan penjualan beras campuran yang sebenarnya sudah berlaku ketika ini.

Pengerusi Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob berkata, isu pokok tersebut perlu diselesaikan dahulu selain terbeban dengan harga belian padi RM1,300 per tan metrik.

Katanya, para petani sama sekali tidak berdepan masalah sekiranya keseimbangan harga itu berlaku termasuk menaikkan harga lantai belian padi kepada paras lebih relevan.

“Jualan beras campur memang sudah lama berlaku. Cuma persoalannya adalah penyelarasan harga baharu untuk beras tempatan.

“Kalau mahu tangani isu pokoknya kenapa selepas 17 tahun harga beras tak dinaik atau dikaji lagi, malah dalam tempoh dua tahun ini pun pengguna su-

dah terbiasa dengan harga beras yang lebih tinggi berbanding RM2.60 sekilogram, di pasaran cuma ada beras RM3.40 dan RM3.60 sekilogram,” katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Abdul Rashid berkata, seandainya kerajaan mahu ‘merestrukan’ penjualan beras campuran itu, pihaknya mencadangkan harga RM3.60 bagi setiap kilogram agar dapat memberi situasi senang-menang.

Katanya, perkara itu secara tidak langsung berupaya menyelamatkan pesawah daripada tertekan dengan keadaan semasa kerana sekiranya tidak dinaikkan harga beras tempatan, amat mustahil untuk kerajaan menetapkan harga lantai padi yang lebih seimbang dengan kos.

“Menteri ada kata kalau mahu naik harga lantai padi, kita tidak boleh pula nak beli harga beras murah jadi di situ sudah tunjuk ketidak seimbangan. Jadi untuk harmonikan kena naik harga beras untuk diseimbangkan,” katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# KERATAN AKHBAR **UMUM**



### Kes salah guna logo halal

# Cadang naikkan kadar denda

**JAKIM, KPDN perlu kaji tindakan lebih tegas, berkesan bagi tangani isu**

Oleh Zanariah Abd Mutualib  
 zanariah\_mutalib@bh.com.my

**Cyberjaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarar Hidup (KPDN) bersama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) wajar mengkaji keperluan menaikkan jumlah denda bagi penyalahgunaan logo halal jika kesalan itu semakin berlaku.

Timbalan Mufti Wilayah Persekutuan, Jamali Mohd Adnan, berkata pada masa sama, penguasaan perlu terus diperkuuh supaya peniaga tidak mengambil mudah penggunaan logo halal oleh JAKIM yang menjadi rujukan umat Islam untuk mendapatkan produk halal.

"Ia (menaikkan denda) mungkin antara penyelesaian dan kita serah kepada KPDN dan JAKIM untuk mengkaji."

"Jika penyalahgunaan tanda halal itu semakin meningkat, kenapa tidak dinaikkan kadar denda berkenaan," katanya pada Majlis Meraikan Pensijilan Halal Ayam Gepuk Pak Gambus, di sini semalam.

Yang turut hadir, Ketua Pegawai Operasi (COO) Ayam Gepuk Pak Gambus, Zulkarnain Mohd Yusof.

Terdahulu, Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), berkata insiden pihak tertentu menyalahgunakan logo dan sijil halal menunjukkan ada kelema-

han dalam ekosistem Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) sehingga boleh dimanipulasi.

#### Penalti rendah

Bendahari Agungnya, Nur Asyikin Aminuddin, dilaporkan berkata penalti agak rendah dan pengukuasaan tidak ketat mungkin antara punca kejadian itu berlaku.

Kenyataan itu susulan laporan mengenai sandwic 'ham dan cheese' yang dijual di sebuah kedai serbaneka di Universiti Malaya (UM) yang didapati tertera logo halal, namun JAKIM kemudian mengesahkan produk itu tidak mempunyai SPHM dan syarikat yang menghasilkan produk itu bukan pemegang SPHM.

Berdasarkan Akta Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, pertubuhan perbadanan yang disabitkan kesalan menyalahgunakan logo halal akan dikenakan denda hukuman tidak melebihi RM200,000 dan ti-

dak lebih RM500,000 bagi kesalan berikutnya.

Mengulas lanjut Jamali berkata, tindakan penyalahgunaan logo halal itu perlu ditangani dengan berkesan dan JAKIM juga sudah memberikan jaminan tindakan tegas akan diambil dalam isu berkenaan.

Beliau juga menyarankan syarikat, terutama berdasarkan makanan dan minuman (F&B) yang belum memiliki pensijilan halal supaya berbuat demikian, manakala bagi yang sudah memiliki, tidak mengambil mudah pensijilan berkenaan.

"Ada orang yang sudah dapat sijil halal ini ambil mudah, tapi kita akan sentiasa buat pemantauan."

"Kita juga meletakkan syarat supaya syarikat yang mendapat sijil halal ini mempunyai jawatan kuasa halal di syarikat masing-masing, eksekutif halal dan sebagainya yang akan memastikan kualiti halal itu dapat terus dipertahankan," katanya.

# Naikkan nilai denda salah guna sijil halal

Oleh MOHD HUSNI MOHD NOOR  
utusannews@mediamulia.com.my

**CYBERJAYA:** Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) perlu mengkaji semula keperluan meningkatkan nilai denda bagi premis yang menyalahgunakan sijil halal.

Timbalan Mufti Wilayah, Jamali Mohd. Adnan berkata, perkara itu penting bagi memastikan tiada lagi pihak yang cuba memperdayakan masyarakat dengan cara memalsukan sijil halal.

"Kami mendapati isu salah guna tanda halal turut dikesan membabitkan produk dikeluaran sebuah syarikat baru-baru ini," katanya ketika ditemui pada Majlis Penerimaan Sijil Halal Ayam Gepuk Pak Gembus di sini, semalam.

Berdasarkan Akta Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, penalti bagi pertubuhan perbadanan yang disabitkan kesalahan menyalah guna logo halal akan dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM200,000 dan tidak lebih RM500,000 bagi kesalahan berikutnya.

Bagi bukan pertubuhan perbadanan pula, penalti tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun, atau kedua-duanya dan kesalahan berikut tidak melebihi RM250,000, penjara tidak melebihi lima tahun, atau keduanya.

Sebelum ini, Jakim menge-sahkan produk yang dijual di sebuah kedai serbaneka di satu universiti tidak memiliki sijil

“

**Semua pihak berwajib supaya sentiasa turun padang dan melakukan pemeriksaan mengejut di premis yang ada sijil halal bagi memastikan mereka mematuhi pensijilan itu.”**

JAMALI MOHD.  
ADNAN



halal.

Jamali berkata, tindakan pantas Jakim dan KPDN berhubung isu itu memberi berita positif kepada masyarakat bahawa kerajaan sentiasa bertindak proaktif dalam menangani isu berkaitan pematuhan halal.

Katanya, semua pihak berwajib supaya sentiasa turun padang dan melakukan pemeriksaan mengejut di premis yang ada sijil halal bagi memastikan mereka mematuhi pensijilan itu.

"Ada orang (premis), bila sudah dapat sijil halal mereka akan mengambil mudah dan diam sa-

haja. Justeru, pemantauan itu amat penting.

"Kerajaan juga meletakkan syarat supaya setiap syarikat mempunyai jawatankuasa halal di syarikat masing masing selain eksekutif halal dan sebagainya bagi memastikan kualiti halal itu dapat terus dipertahankan," katanya.

Jamali berkata, kerajaan melalui Jakim telah mempermudahkan permohonan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) dimana tempoh permohonannya dipendekkan kepada 15 hari berbanding sembilan bulan sebelum ini.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 16 JANUARI 2025**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
16-Jan	KPDN sita, kompaun lebih RM40,000 operasi harga musim perayaan tahun lepas	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/707269/berita/semasa/kpdn-sita-kompaun-lebih-rm40000-operasi-harga-musim-">https://www.sinarharian.com.my/article/707269/berita/semasa/kpdn-sita-kompaun-lebih-rm40000-operasi-harga-musim-</a>	SINAR HARIAN
16-Jan	Syarikat jual makanan perlu pastikan produk patuhi piawaian halal JAKIM – Pas	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2025/01/15/syarikat-jual-makanan-perlu-pastikan-produk-patuhi-">https://malaysiaga-zette.com/2025/01/15/syarikat-jual-makanan-perlu-pastikan-produk-patuhi-</a>	MALAYSIA GAZETTE
16-Jan	KK Mart must strengthen its product sourcing after halal sandwich issue	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/kk-mart-must-strengthen-its-product-sourcing-after-halal-sandwich-issue-AF13524271">https://thesun.my/malaysia-news/kk-mart-must-strengthen-its-product-sourcing-after-halal-sandwich-issue-AF13524271</a>	THE SUN
16-Jan	Penyalahgunaan tanda halal semakin meningkat, Mufti saran naik kadar denda	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1349546/penyalahgunaan-tanda-halal-semakin-meningkat-">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1349546/penyalahgunaan-tanda-halal-semakin-meningkat-</a>	BERITA HARIAN
16-Jan	JAKIM, KPDN disaran kaji keperluan tingkatkan denda isu salah guna sijil halal	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/jakim-kpdn-disaran-kaji-keperluan-tingkatkan-denda-isu-salah-guna-sijil-halal/">https://www.buletintv3.my/nasional/jakim-kpdn-disaran-kaji-keperluan-tingkatkan-denda-isu-salah-guna-sijil-halal/</a>	BULETIN TV3
16-Jan	Naikkan denda salah guna logo halal wajar dikaji - Timbalan Mufti	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176849/naikkan-denda-salah-guna-logo-halal-wajar-dikaji-">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1176849/naikkan-denda-salah-guna-logo-halal-wajar-dikaji-</a>	HARIAN METRO
16-Jan	Jakim, KPDN disaran tingkatkan denda isu salah guna sijil halal	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/jakim-kpdn-disaran-tingkat-denda-isu-salah-guna-sijil-halal/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/jakim-kpdn-disaran-tingkat-denda-isu-salah-guna-sijil-halal/</a>	UTUSAN MALAYSIA
16-Jan	Isunya sijil halal palsu, Fahdli tempelak Kor Ming	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2025/01/15/isunya-sijil-halal-palsu-">https://malaysiaga-zette.com/2025/01/15/isunya-sijil-halal-palsu-</a>	MALAYSIA GAZETTE

16-Jan	3,682 websites offering pirated content blocked	<a href="https://dailyexpress.com.my/news/250168/3-682-websites-offering-pirated-content-blocked">https://dailyexpress.com.my/news/250168/3-682-websites-offering-pirated-content-blocked</a>	DAILY EXPRESS
16-Jan	Armizan: Over 3,600 illegal websites blocked since 2021	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/15/armizan-over-3600-illegal-websites-blocked-since-2021">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/01/15/armizan-over-3600-illegal-websites-blocked-since-2021</a>	THE STAR
16-Jan	Bid to smuggle cooking oil, petrol foiled	<a href="https://dailyexpress.com.my/news/250144/bid-to-smuggle-cooking-oil-petrol-foiled">https://dailyexpress.com.my/news/250144/bid-to-smuggle-cooking-oil-petrol-foiled</a>	DAILY EXPRESS
16-Jan	Jakim sekali lagi sahkan sandwic 'ham & cheese' tiada sijil halal	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/707415/berita/semasa/jakim-sekali-lagi-sahkan-sandwic-ham-cheese-tiada-sijil-halal">https://www.sinarharian.com.my/article/707415/berita/semasa/jakim-sekali-lagi-sahkan-sandwic-ham-cheese-tiada-sijil-halal</a>	SINAR HARIAN
16-Jan	JAKIM nafi dakwaan bahan mentah sandwic kontroversi ada sijil halal	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/jakim-nafi-dakwaan-bahan-mentah-sandwic-kontroversi-ada-sijil-halal/">https://www.buletintv3.my/nasional/jakim-nafi-dakwaan-bahan-mentah-sandwic-kontroversi-ada-sijil-halal/</a>	BULETIN TV3
16-Jan	JAKIM nafi dakwaan sandwic kontroversi ada sijil halal	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1349820/jakim-nafi-dakwaan-sandwic-kontroversi-ada-sijil-halal">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1349820/jakim-nafi-dakwaan-sandwic-kontroversi-ada-sijil-halal</a>	BERITA HARIAN
16-Jan	Jakim nafi dakwaan bahan mentah sandwic kontroversi ada sijil halal	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177045/jakim-nafi-dakwaan-bahan-mentah-sandwic-kontroversi-ada-sijil-halal">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/01/1177045/jakim-nafi-dakwaan-bahan-mentah-sandwic-kontroversi-ada-sijil-halal</a>	HARIAN METRO
16-Jan	Kepingan ayam dalam 'sandwich ham & cheese' ada sijil halal - Syarikat pengeluar	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/707355/berita/kepingan-ayam-dalam-sandwich-ham-cheese-ada-sijil-halal---syarikat-">https://www.sinarharian.com.my/article/707355/berita/kepingan-ayam-dalam-sandwich-ham-cheese-ada-sijil-halal---syarikat-</a>	SINAR HARIAN
16-Jan	Syarikat pengeluar dakwa bahan mentah sandwic kontroversi ada sijil halal Jakim	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/01/1176964/syarikat-pengeluar-dakwa-bahan-mentah-sandwic-kontroversi-ada-sijil-halal">https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/01/1176964/syarikat-pengeluar-dakwa-bahan-mentah-sandwic-kontroversi-ada-sijil-halal</a>	HARIAN METRO

16-Jan	Bahan mentah sandwich kontroversi ada sijil halal JAKIM - Syarikat pengeluar	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1349709/bahan-mentah-sandwich-kontroversi-ada-sijil-halal-jakim-syarikat">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/01/1349709/bahan-mentah-sandwich-kontroversi-ada-sijil-halal-jakim-syarikat</a>	BERITA HARIAN
16-Jan	Syarikat pembekal sandwich kontroversi dakwa bahan mentah ada sijil halal	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarikat-pembekal-sandwich-kontroversi-dakwa-bahan-mentah-ada-sijil-halal-504712">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/syarikat-pembekal-sandwich-kontroversi-dakwa-bahan-mentah-ada-sijil-halal-504712</a>	ASTRO AWANI
16-Jan	Bahan dalam sandwich ham diperakui halal Jakim – Pembekal	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/bahan-dalam-sandwich-ham-diperakui-halal-jakim-pembekal/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/bahan-dalam-sandwich-ham-diperakui-halal-jakim-pembekal/</a>	UTUSAN MALAYSIA
16-Jan	Pembekal sahkan bahan dalam sandwich ham diperakui halal Jakim	<a href="https://malaysiaga-zette.com/2025/01/15/pembekal-sahkan-bahan-dalam-sandwich-ham-diperakui-halal-jakim/">https://malaysiaga-zette.com/2025/01/15/pembekal-sahkan-bahan-dalam-sandwich-ham-diperakui-halal-jakim/</a>	MALAYSIA GAZETTE
16-Jan	Beri subsidi, peruntukan khas kepada pengusaha bas sekolah - MCA	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/707396/berita/nasional/beri-subsidi-peruntukan-khas-kepada-pengusaha-bas-sekolah---">https://www.sinarharian.com.my/article/707396/berita/nasional/beri-subsidi-peruntukan-khas-kepada-pengusaha-bas-sekolah---</a>	SINAR HARIAN
16-Jan	Rise in misuse of halal logo: Deputy Mufti suggests fine increase	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/rise-in-misuse-of-halal-logo-deputy-mufti-suggests-fine-increase-FF13525321">https://thesun.my/malaysia-news/rise-in-misuse-of-halal-logo-deputy-mufti-suggests-fine-increase-FF13525321</a>	THE SUN
16-Jan	Jakim, KPDN disaran naikkan nilai denda salah guna sijil halal	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/01/15/jakim-kpdn-disaran-naikkan-nilai-denda-salah-guna-sijil-halal/">https://www.kosmo.com.my/2025/01/15/jakim-kpdn-disaran-naikkan-nilai-denda-salah-guna-sijil-halal/</a>	KOSMO
16-Jan	Naikkan nilai denda salah guna sijil halal	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/naikkan-nilai-denda-salah-guna-sijil-halal/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/01/naikkan-nilai-denda-salah-guna-sijil-halal/</a>	UTUSAN MALAYSIA
16-Jan	Denda salahguna logo halal wajar dinaikkan -timbalan mufti	<a href="https://malaysia-tribune.news/2025/01/15/denda-salahguna-logo-halal-wajar-dinaikkan-timbalan-mufti/">https://malaysia-tribune.news/2025/01/15/denda-salahguna-logo-halal-wajar-dinaikkan-timbalan-mufti/</a>	MALAYSIA TRIBUNE